

## **Hukuman lebih berat pemandu mabuk**

---

**PUTRAJAYA:** Kabinet bersetuju meminda undang-undang sedia ada berkaitan kesalahan memandu kenderaan dalam keadaan mabuk, pengaruh dadah dan secara berbahaya. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata akta sedia ada akan dipindah untuk memberi hukuman lebih berat dan setimpal ke atas mereka yang memandu di bawah pengaruh alkohol. Katanya, cadangan itu akan dibincangkan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Peguam Negara dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS). "Kajian ini akan mengambil masa beberapa bulan dan dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi kedua pada Jun atau Julai," katanya pada sidang media di pejabatnya, semalam. Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Kamarudin Jaffar, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Isham Ishak dan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Seri Shaharuddin Khalid.

Berdasarkan undang-undang sedia ada, individu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan. Mengikut Seksyen 41 Akta 333, jika tertuduh didapati bersalah menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau berbahaya boleh dipenjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih 10 tahun serta denda tidak kurang RM5,000 dan tidak lebih RM20,000. Bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk hingga menyebabkan kematian pula, tertuduh boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 44 APJ 1987 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan penjara maksimum 12 bulan. Loke berkata, peruntukan undang-undang lain yang akan dikaji semula, termasuk had ditetapkan kandungan alkohol dalam darah pemandu.

Katanya, ketika ini undang-undang semasa membenarkan sehingga 80mg alkohol dalam 100ml darah, manakala had antarabangsa ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah 50mg dalam 100ml darah. "Perkara ini perlu dikaji semula dan pada masa sama mereka yang didapati memandu dalam keadaan mabuk melebihi had dibenarkan sehingga menyebabkan kematian boleh dikenakan hukuman lebih berat. "Kita juga mengkaji semula peruntukan bagi memastikan pemandu yang didapati bersalah memandu secara tidak berhemah menerima hukuman lebih sesuai. "Kementerian juga akan mempertingkat kempen terhadap pemanduan mabuk dengan mengarahkan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk meningkatkan kempen 'Jangan Minum dan Memandu' bagi mengingatkan orang ramai agar tidak memandu ketika mabuk," katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 6 | 30 JANUARI 2020**